

SOALAN NO. 21

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI
MOHAMAD [LIPIS]**

TARIKH : 26 NOVEMBER 2014 (RABU)

SOALAN :

Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Mohamad (Lipis) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan :

- (a) Sejauh manakah Program 1AZAM dapat membantu golongan berpendapatan rendah keluar dari kepompong kemiskinan; dan
- (b) Adakah program ini akan diteruskan pada masa akan datang.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Pihak Kerajaan amat prihatin terhadap cabaran yang dihadapi oleh rakyat khususnya golongan miskin dan mereka yang berpendapatan rendah. Dalam hal ini, Program 1AZAM di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara atau *National Key Result Areas (NKRA)*: Meningkatkan Taraf Hidup Isi Rumah Berpendapatan Rendah (LIH) yang diterajui oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) terus dipergiat untuk membantu golongan berpendapatan rendah meningkatkan pendapatan keluarga melalui beberapa bidang seperti berikut:

BIL	BIDANG	AZAM	AGENSI PELAKSANA
1	Perniagaan	Niaga	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat; Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan; Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM); Kerajaan Negeri Sabah; dan Kerajaan Negeri Sarawak.
2	Perkhidmatan	Khidmat	Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani; Kerajaan Negeri Sabah; dan Kerajaan Negeri Sarawak.
3	Pertanian	Tani	Kementerian Sumber Manusia; Kerajaan Negeri Sabah; dan Kerajaan Negeri Sarawak.
4	Pekerjaan	Kerja	Kementerian Sumber Manusia; Kerajaan Negeri Sabah; dan Kerajaan Negeri Sarawak.

Tuan Yang Dipertua,

Program 1AZAM telah mendapat sambutan yang menggalakkan dengan penyertaan seramai **163,213 orang peserta** dari tahun 2010 hingga 31 Ogos 2014. Bagi memastikan Program 1AZAM memberikan impak kepada kumpulan sasar, pemantauan secara berterusan dilaksanakan oleh pasukan pemantau di bawah setiap Kementerian dan agensi yang melaksanakan Program 1AZAM. Pemantauan secara intensif oleh pegawai agensi adalah daripada aspek kemajuan perniagaan atau pekerjaan yang diceburi dan permasalahan yang dihadapi. Pemantauan Program 1AZAM yang komprehensif ini telah menampakkan keberkesanannya seperti penjanaan pendapatan tambahan oleh peserta untuk keluarga mereka daripada aktiviti ekonomi yang dijalankan.

Daripada 163,213 orang peserta, seramai **38,772 orang peserta** telah berjaya meningkatkan pendapatan sekurang-kurangnya RM300.00 sebulan. Hal ini membuktikan bahawa Program 1AZAM mampu membantu golongan berpendapatan rendah untuk keluar daripada kepompong kemiskinan.

Sehubungan itu, KPWKM sebagai kementerian peneraju masih akan meneruskan Program 1AZAM di bawah GTP 2.0 iaitu sehingga tahun

2015 bagi memastikan inisiatif ini dapat memberi impak secara berterusan dari segi peningkatan pendapatan golongan berpendapatan rendah selaras dengan konsep kebijakan produktif.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
[SEPANG]**

TARIKH : 26 NOVEMBER 2014 (RABU)

SOALAN : 22

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan :-

- (a) berapakah kos yang ditanggung oleh Kerajaan dari bermula tarikh kehilangan MH370 hingga September 2014; dan
- (b) adakah sehingga kini Kerajaan atau MAS ada membayar apa-apa pampasan kepada keluarga mangsa-mangsa MH370 dan jika ada berapa jumlah pampasannya dan jika tidak ada, mengapa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga kini, Kerajaan telah membelanjakan sebanyak **RM32,642,167.76** bagi menampung kos operasi mencari dan menyelamat pesawat MH370.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan ahli Yang Berhormat, sehingga kini hanya MAS sahaja yang akan membayar sebarang pampasan kepada keluarga mangsa-mangsa MH370. Jumlah pampasan yang dibayar kepada keluarga mangsa tragedi MH370 akan dinilai berdasarkan *Montreal Convention 1999* dan pembuktian kerugian (*subject to proof of loss*) yang ditanggung oleh setiap penumpang.

Namun begitu, MAS telah menawarkan wang pendahuluan pampasan berjumlah USD50,000 sebagai sebahagian daripada bayaran pampasan penuh kepada setiap waris/keluarga penumpang MH370. Pembayaran ini dilaksanakan oleh pihak insuran MAS melalui kaedah perpindahan wang kepada akaun bank milik waris/keluarga penumpang selepas kesemua dokumen sokongan yang diperlukan dikemukakan oleh waris/keluarga penumpang.